



26 Januari 2022
26 January 2022
P.U. (A) 19

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH LALU LINTAS JALAN (LARANGAN PEMANDUAN KENDERAAN BARANGAN) 2022

ROAD TRAFFIC (PROHIBITION ON DRIVING OF GOODS VEHICLES) RULES 2022

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

**KAEDAH-KAEDAH LALU LINTAS JALAN
(LARANGAN PEMANDUAN KENDERAAN BARANGAN) 2022**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 88(1)(c) dan subseksyen 88(4) Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*], Menteri, setelah berunding dengan Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi kerja raya, membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Lalu Lintas Jalan (Larangan Pemanduan Kenderaan Barang) 2022**.

- (2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 30 Januari 2022.

Larangan

2. (1) Pemanduan mana-mana jenis kenderaan barang yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual di atas mana-mana bahagian mana-mana jalan adalah dilarang pada 30 dan 31 Januari 2022 dan 3 dan 4 Februari 2022 pada masa yang dinyatakan dalam ruang (2).

- (2) Walau apa pun larangan dalam subkaerah (1), Menteri boleh mengecualikan mana-mana jenis kenderaan barang yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual daripada larangan itu tertakluk kepada apa-apa syarat yang ditentukan olehnya.

JADUAL

[Kaedah 2]

	(1) <i>Jenis Kenderaan Barang</i>	(2) <i>Masa Larangan</i>
(a)	Lori pembawa dan lori jongket yang berat dengan muatannya melebihi 7,500 kg, lori pengangkut rendah, treler tiang, treler pelantar, lori balak, jentera berat beroda dan traktor (kecuali jentera berat beroda dan traktor yang digunakan bagi maksud operasi kecemasan dan menyelamat)	sepanjang masa
(b)	Lori yang berat dengan muatannya melebihi 7,500 kg yang mengangkut simen, besi, keluli, batu, pasir, tanah, amang, bijih timah, arang batu atau bahan binaan atau bahan galian yang lain	sepanjang masa
(c)	Lori kontena yang mengangkut barang (kecuali lori kontena yang mengangkut barang dari pelabuhan atau lapangan terbang ke kawasan perindustrian di dalam negeri yang sama dan sebaliknya)	dari 12.00 tengah malam hingga 8.00 pagi
(d)	Lori kargo yang mengangkut barang elektronik atau elektrik atau bahan industri kimia dari pelabuhan atau lapangan terbang ke kawasan	dari 12.00 tengah malam hingga 8.00 pagi